



FAHAMI

Peer Pressure

Situasi itu membuatkan ada netizen kurang senang dan tidak bergpuas hati dengan perbuatan "tidak sopan" anak orang kaya' itu. Bahkan rata-rata menyalahkan anak tersebut yang dilihat kurang adabnya.

Di satu sudut yang berbeza, kita meneliti situasi tersebut boleh menjurus kepada pelbagai impak dalam sosial anak-anak sekolah, seperti tekanan rakan sebaya (peer pressure).

Untuk mengungkap apakah itu peer pressure dan sejauh manakah ia memberi impak kepada anak-

AWAL MUSIM PERSEKOLAHAN YANG LEPAS, PELBAGAI PERKARA DAN ISU DIBANGKITKAN OLEH IBU BAPA MAHUPUN GURU MEMBABITKAN ANAK-ANAK. NAMUN PERKARA YANG MENARIK PERHATIAN DAN MENJADI TULAR DI MEDIA SOSIAL IALAH LUAHAN SEORANG ANAK YANG MERASA RENDAH DIRI DAN 'TERASA' HATI DENGAN TINDAKAN KAWAN YANG MENGHINANYA KERANA TIDAK MEMPUNYAI BARANGAN BERJENAMA 'SMIGGLE' DAN KINI MENJADI 'KEGILAAN' ANAK-ANAK SEKOLAH, TERUTAMA SEKOLAH RENDAH.

anak, majalah Harmoni melontarkan persoalan ini kepada Pensyarah Kanan Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Dr. Mohd Nazri Abdul Rahman serta Perunding Pendidikan Awal Kanak-Kanak ALLIMKids, Dayang Lily Maznah Abang Muas bagi mengupas dan mencernakan makna di sebalik persoalan tersebut yang menjadi buaian netizen.

Menurut Dr. Mohd Nazri, peer pressure bermaksud tindak balas berbentuk psikofisiologi yang melibatkan interaksi minda dan tubuh. Ia merupakan salah satu daripada bentuk tekanan. Tindak balas ini bergantung kepada pengaruh rakan sebaya. Namun apa yang dibimbangkan akibat daripada pengaruh ini ia akan melemahkan sistem badan dan mendorong seseorang bertindak ke arah negatif.

"Peer Pressure ini sememangnya sudah ada dalam diri kanak-kanak apabila mereka mula berkawan dan terlibat dalam sosiolisasi. Jadi, dalam tempoh ini ibu bapa perlu membentuk tingkah laku mereka. Ia mungkin memerlukan sedikit masa untuk mendapatkan kepercayaan dan keyakinan si anak. Oleh itu ibu bapa perlu banyak bersabar. Jika tidak berbuat demikian, kita mungkin akan 'kehilangan' mereka, kerana si anak lebih mempercayai kawan."

"Situasi ini berlaku disebabkan perasaan takut kehilangan kawan. Sikap tersebut ditonjolkan supaya ada orang yang mahu berkawan dengannya. Dalam masa yang sama

anak tadi mahu menunjukkan kepada kawan yang dia seorang yang baik dan boleh menyertai kumpulan itu," jelasnya.

Tambah Dr. Mohd Nazri, "Ada kalanya anak itu sendiri yang bersikap dominan dan mempengaruhi teman sebaya untuk menyertai kumpulannya. Namun yang dibimbangkan ialah apabila sampai kepada satu tahap dia tidak boleh mengawal diri sehingga terlibat dalam kes buli atau mencuri, semata-mata untuk mendapatkan barang berkenaan."

Daripada segi teori, ia melibatkan kanak-kanak yang berumur 10 tahun ke bawah. Namun, berdasarkan pemerhatian, fenomena ini kepada keinginan untuk mendapatkan sesuatu barang seperti 'Smiggle', tanpa mereka ketahui barang itu asli atau tiruan.

Jelasnya, "Pada peringkat umur seawal lima tahun kanak-kanak sudah mempunyai naluri untuk berkawan. Sedangkan mereka belum tahu apa itu kaya atau miskin, mahal atau murah sesuatu barang. Apa yang mereka inginkan semata-mata untuk mendapat sesuatu barang yang sama dengan teman-teman."

"Pada peringkat ini juga wujudnya naluri kekitaan ingin berkawan dan mempunyai kelompok sendiri. Ia tidak terhad kepada sesuatu jenama sahaja. Contohnya, kalau kawan mempunyai barang Frozen atau Sofia The First, dia juga mahukan barang yang sama."

"Sementara usia 10 tahun ke atas juga adalah peringkat pembentukan peribadi kanak-kanak. Jika tidak dikawal ia boleh dipengaruhi oleh pengaruh negatif. Dalam masa



yang sama kehendak dan kemahuan mereka banyak dipengaruhi oleh media, iklan dan pengaruh rakan sebaya. Bagi mereka kawan adalah segala-galanya."

Dr. Mohd Nazri menegaskan, "Pun begitu, perlu disedari bahawa kanak-kanak sudah boleh memahami apa yang ibu bapa cakapkan. Situasi bertambah meruncing apabila memasuki usia remaja pengaruh rakan sebaya akan memberikan tekanan yang lebih kuat. Oleh itu sewajarnya pada usia anak-anak sekitar tujuh hingga 12 tahun, dididiknya mereka agar berani berkata 'tidak' pada sebarang bentuk tekanan, terutama melibatkan tekanan daripada rakan sebaya.

KOMUNIKASI DENGAN ANAK

Oleh itu, ibu bapa seharusnya tahu untuk 'tackle' anak-anak mengikut



Dr. Mohd Nazri Abdul Rahman

peringkat umur mereka. Kadang-kadang tingkah laku itu berpunca daripada asuhan ibu bapa itu sendiri. Malah, merekalah yang memperkenalkan semua benda ini kepada anak-anak, kemudian ia tersebar, sedangkan si anak tidak mengetahui pun nilai barang tersebut. Atau barangkali mereka mengetahui daripada rakan-rakan yang memilikinya.

Maklumat yang diterima tentang fungsi, kepentingan dan kegunaannya juga mungkin kurang tepat. Yang menjadi konflik, apabila ibu bapa menentang kehendak si anak atau tidak mampu memenuhi kehendak tersebut.

Dalam hal ini peranan ibu bapa amat penting. Apa yang perlu dilakukan ialah memperbanyakkan komunikasi dengan anak-anak. Ini kerana, jika di sekolah mereka lebih

banyak berkomunikasi dengan rakan sebaya. Jadi, ketika berada di rumah luangkanlah masa untuk berkomunikasi dengan mereka, kerana ini akan membentuk peribadi si anak.

"Jelaskan kepada anak-anak apa erti kawan yang sebenar. Kita tidak mahu mereka merasakan kawan-kawan lebih penting berbanding keluarga. Zahirkan kasih sayang kepada mereka. Ini kerana seandainya anak-anak menerima input yang negatif, tingkah laku, tindakan dan cara mereka bercakap juga kasar dan tidak baik."

"Berbalik kepada 'Smiggle' yang menjadi 'kegilaan' kanak-kanak bandar hari ini, ia berlaku hanya disebabkan momokan situasi dan dipengaruhi oleh trend semasa. Namun, dalam konteks yang diperkatakan dalam isu kali ini melibatkan ia melibatkan budaya popular di kalangan kanak-kanak bandar," ujarnya lagi.

Dr. Mohd Nazri menambah,

"Mungkin esok atau lusa atau yang lain pula timbul. Barangkali nilainya juga lebih mahal, seperti mereka mahukan telefon bimbit yang mahal dan lain-lain. Keadaan ini turut menjelaskan bahawa peer pressure ini boleh berubah pada bila-bila masa dan boleh berlaku di mana sahaja tanpa mengira tempat, kelompok dan keadaan. Cuma situasi dan nilai sesuatu barang mungkin berbeza."

"Oleh itu wajar anak-anak ini dididiki sejak kecil tentang makna kawan yang sebenar. Latih pemahaman mereka bahawa kawan yang sejati tidak memandang pada kebendaan, dia akan terima kawan seadanya, walau siapa pun kawan itu dan akan bersama pada saat susah dan senang.

Maklumkan kepada anak-anak, sesiapa sahaja boleh jadi kawan mereka dan bagaimanakah cara untuk membina kawan yang baik."

"Sekiranya kawan enggan berkawan pun tidak mengapa kerana mereka masih mempunyai keluarga. Dalam masa yang sama jelaskan kepada mereka kegunaan alat tersebut, walaupun bukan Smiggle, tetapi barang milik mereka juga berkualiti dan mempunyai fungsi yang sama," katanya lagi.

BERI PENJELASAN YANG TEPAT PADA ANAK

Dalam pada itu Dr. Mohd Nazri turut menasihatkan ibu bapa agar tidak berjanji dengan anak-anak jika tidak

"Jelaskan kepada anak-anak apa erti kawan yang sebenar. Kita tidak mahu mereka merasakan kawan-kawan lebih penting berbanding keluarga. Zahirkan kasih sayang kepada mereka. Ini kerana seandainya anak-anak menerima input yang negatif, tingkah laku, tindakan dan cara mereka bercakap juga kasar dan tidak baik."



Dr. Mohd Nazri yakin komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak juga membantu menyelesaikan banyak perkara. Antaranya:

- Memupuk keyakinan diri di kalangan anak-anak.
- Melatih anak-anak untuk mengenal kualiti diri mereka dan percaya pada diri sendiri.
- Anak-anak mendapat maklumat yang lebih tepat apa yang dimiliki itu sama seperti orang lain.
- Mengajar anak berfikir secara rasional dengan baik.
- Yakinkan anak-anak bahawa dia seorang yang baik. Jadi sesiapa pun akan berkawan dengannya walaupun dia tidak memiliki 'Smiggle' seperti teman-temannya yang lain. Ini kerana mereka berkawan dengannya bukan berdasarkan apa yang dia miliki. Sebaliknya kerana sifat dan kelebihan yang ada padanya.

mampu memenuhinya. Penolakan dan tekanan yang diterima daripada kawan-kawan perlu dilengkapkan dengan penerimaan dan kasih sayang ibu bapa. Jangan marah dengan apa yang diperkatakan. Dengar terlebih dahulu luahan anak-anak yang bercerita tentang kelebihan dan kehebatan 'Smiggle' yang dimiliki oleh kawan-kawannya. Selepas itu barulah ceritakan kelebihan dan keistimewaan barang yang dia miliki.

Didik mereka agar menghargai apa yang dia ada. Dalam masa yang sama terapkan rasa sayang terhadap harta sendiri, apakah kepentingan atau keperluan sesuatu barang dan apa tujuannya tanpa mengira jenama. Misalnya, jenama A tetap mempunyai fungsi dan peranan yang sama dengan 'Smiggle', malah warna dan coraknya lebih cantik. Jika membeli jenama A, si anak boleh mendapat tiga benda atau lebih, sedangkan jika inginkan 'Smiggle', dia hanya boleh mendapat hanya satu barang sahaja. Ini antara cara untuk mengelakkan anak-anak hal ini untuk mengelakkan anak merasa rendah diri.

Sementara itu Dayang Lily Maznah pula berpendapat, netizen tidak wajar untuk melemparkan cacian kepada anak tersebut kerana ia mungkin sekadar ekspresi spontan kepada rakannya. Pada anggapan anak itu, sesiapa yang memiliki Sminggle ini kaya, sedangkan kawan tidak mempunyai barangan seperti berkenaan itu miskin.

Perunding Pendidikan Awal

Kanak-Kanak ini berkata, "Anak-anak jujur dalam memberikan ekspresi. Dia beranggapan sedemikian mungkin disebabkan oleh asuhan ibu dan ayah. Jadi tidak wajar kesalahan itu diletakkan sepenuhnya di bahu si anak. Dalam masa yang sama, netizen tidak boleh meletakkan sepenuhnya kesalahan kepada ibu dan bapa yang membeli barangan seumpama itu untuk anak-anak mereka, sehingga menyeru agar ia diharamkan dibawa ke sekolah.



Dayang Lily

Sebaliknya apa yang perlu dilakukan adalah mempersiapkan anak-anak untuk menangani peer

pressure, ia boleh berlaku di mana-mana sahaja. Oleh yang demikian ia tidak hanya merujuk kepada Sminggle

sahaja, bahkan barangan berjenama, beg sekolah mahal, telefon pintar dan pelbagai lagi.



MEMUPUK NILAI JATI DIRI DI KALANGAN ANAK-ANAK.

1. Terapkan nilai dan keutamaan.

Terapkan kepada anak-anak tentang nilai dan keutamaan sesuatu barang. Contohnya, daripada si anak membeli beg sekolah berjenama dan mahal, lebih baik dia menyimpan duit bagi membeli kasut untuk dipakai pada hari raya nanti.

2. Jelaskan tentang tanggungjawab.

Jelaskan kepada mereka betapa perlunya menjaga barang yang dibelikan oleh ibu dan ayah dengan baik tanpa merosakkan atau menghilangkannya.

3. Terangkan perihal nilai wang dan usaha.

Usah menyekat kemahuan anak jika mahu mendapatkan barangan seperti yang dimiliki oleh rakan sebaya, tetapi dengan bersyarat dan memberikan pilihan kepada mereka. Misalnya, sebahagian duit itu menggunakan wang hasil jimat cermat mereka, manakala sebahagian lagi menggunakan wang ibu dan bapa.

Hal ini wajar dipraktikkan untuk mendidik anak-anak tentang nilai wang dan harga sesuatu barang serta usaha yang perlu dilakukan untuk mendapatkan sesuatu, biarpun mereka berasal daripada keluarga yang berkemampuan.

4. Berikan rasa 'kepuayaan' kepada anak-anak remaja.

Jika anak-anak yang berada di sekolah rendah lebih merasa tekanan dalam bentuk material. Bagi anak-anak di peringkat remaja pula, tekanan rakan sebaya wujud dek kerana mahu merasakan 'sense of belonging' itu lebih kuat.

TERAPKAN TIGA NILAI DAN JATIDIRI

Dalam pada itu dia turut mengaitkan hal ini dengan pengaruh rakan sebaya. Tekanan berlaku apabila individu tersebut tidak berasa selesa atau tertekan dengan sesuatu keadaan akibat daripada pengaruh tersebut.

"Kebiasaannya umur kosong hingga enam tahun jarang berlaku tekanan rakan sebaya, kerana mereka masih kecil. Jadi segala perbuatan dan percakapan anak adalah ekspresi spontan yang tulus daripada mereka tanpa ada niat yang jahat. Tetapi bermula usia sembilan hingga 10 tahun dan ke atas, mereka sudah mula rasa ingin berkawan dan mempunyai 'geng' yang cantik serta kacak. Jadi di situlah perlunya peranan ibu bapa."

"Sebagai contoh, seorang anak berusia sembilan tahun melihat rakan

sebaya mempunyai beg sekolah yang mahal, sedangkan dia hanya memakai beg sekolah murah. Akibat daripada kurangnya jati diri, anak tersebut merasakan dia perlu memiliki barang yang sama agar tidak ketinggalan. Perkara ini akan membuatkan dia mendesak ibu dan bapa untuk membelikan barangan berkenaan," jelasnya yang merujuk perkara di atas antara contoh bagaimana peer pressure boleh berlaku di kalangan anak-anak sekolah.

Kata Lily, perkara ini boleh dielakkan jika ibu bapa berjaya menerapkan nilai jati diri dalam diri anak-supaya tidak terikut dengan rentak rakan sebaya. Perkara ini boleh dipupuk seawal usia enam tahun ke bawah, kerana anak-anak akan lebih mudah 'menyerap' atau menerima nasihat.

- Dalam pada itu dia menambah, "Peer pressure berlaku apabila anak mahu berada dalam kelompok kawan-kawan tertentu, jadi dia perlu dapatkan 'sesuatu' atau menjadi 'sesuatu' yang diluar kemampuannya sebagai 'syarat' untuk dia menjadi ahli kumpulan tersebut. Adakalanya dorongan itu semakin mendesak apabila anak-anak ini tidak mampu untuk memiliki sehingga mendorongnya akan terjebak dalam kegiatan yang tidak baik termasuk mencuri."
- "Perkara ini biasa berlaku jika ketika berada di rumah anak-anak tidak rasa kehadiran dihargai oleh ibu dan ayah kerana masing-masing sibuk dengan kerjaya, sehingga lupa untuk meluangkan masa bersama keluarga. Situasi tersebut mendorong si anak mencari kawan di luar. Lebih mengeruhkan keadaan jika mereka tidak dididik dengan nilai jati diri yang kuat. Hal ini menyebabkan anak tadi keliru dengan identiti diri lalu mudah terikut dengan rentak kawan-kawan."
- Dalam pada itu Lily menasihati kedua orang tua agar memainkan peranan masing-masing dan mendidik anak bermula di rumah. Di samping itu dia turut menekankan agar menerapkan nilai dan jati diri dalam diri anak-anak. Tekankan kepada mereka bahawa kebahagiaan atau kepuasan diri bukan berlandaskan barang yang mahal atau terikut-ikut gaya hidup orang lain semata-mata, tetapi bahagia menjadi diri sendiri.